

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 akan dikeluarkan pada **27 Mei 2024 (Isnin)**. Seramai **395,870** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023 di **3,340** buah pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10:00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pengurusan penyerahan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023 kepada calon dilaksanakan secara cekap dan teratur.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023 mulai pukul 10:00 pagi pada 27 Mei 2024 sehingga pukul 6:00 petang pada 02 Jun 2024; dan/atau

- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10:00 pagi pada 27 Mei 2024 sehingga pukul 6:00 petang pada 02 Jun 2024.

KPM mengucapkan tahniah kepada semua calon atas keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus cemerlang dan menyumbang khidmat bakti kepada negara pada masa hadapan.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**9 MEI 2024**